



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN MADANI SETUJU PEMBERIAN DISKAUN TOL SEBANYAK 50% SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN HARI DEEPAVALI TAHUN 2025

KUALA LUMPUR – Dalam ucapan pembentangan Belanjawan Rakyat pada 10 Oktober 2025 di Dewan Rakyat, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan MADANI telah bersetuju untuk memberikan diskaun tol sebanyak 50% daripada kadar tol biasa bagi kenderaan Kelas 1 (Kelas 2 di Jambatan Pulau Pinang) sahaja bermula pada 18 Oktober 2025 sehingga 19 Oktober 2025 bagi membolehkan kesemua rakyat Malaysia berbilang kaum terutamanya Masyarakat India untuk menyambut dan meraikan perayaan Hari Deepavali 2025 dalam suasana gembira, harmoni dan saling hormat-menghormati.

2. Pemberian diskaun tol 50% ini akan dilaksanakan di kesemua lebuh raya yang bermula pada jam 12.01 tengah malam, 18 Oktober 2025 (Sabtu) dan berakhir pada Jam 11.59 malam, 19 Oktober 2025 (Ahad) di semua plaza tol KECUALI plaza tol di pintu masuk sempadan negara iaitu Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Plaza Tol Tanjung Kupang, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA).

3. Kerajaan akan menanggung implikasi kewangan yang dianggarkan sebanyak RM19.86 juta bagi membayar pampasan kepada semua syarikat konsesi lebuh raya bertol berikutan pemberian diskaun tol 50% kepada rakyat bersempena musim Perayaan Deepavali ini.

4. Pemberian diskaun tol 50% ini adalah selaras dengan teras utama Kerajaan Malaysia Madani iaitu Kesejahteraan dan Ihsan dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat dengan harapan ianya akan mengukuhkan perpaduan antara kaum ke arah pembinaan Bangsa Malaysia yang bersatu padu.

5. Semoga pengguna lebuhraya memanfaatkan peluang ini sebaiknya dan dinasihatkan untuk merancang perjalanan dengan sewajarnya untuk mengurangkan kesesakan melalui panduan berikut:

- a. Mengadakan jadual waktu perjalanan atau *travel time advisory (TTA)*;
- b. Memastikan kenderaan dalam keadaan baik termasuk tayar;
- c. Baki eWallet dan Kad Touch & Go mencukupi;
- d. Bateri mencukupi bagi pengguna smart-tag;
- e. Menggunakan pautan paparan CCTV Lembaga Lebuhraya Malaysia LLM <https://www.llm.gov.my> mengenai keadaan lebuhraya sebagai panduan sebelum dan semasa perjalanan;
- f. Pusat Pengurusan Trafik LLM di talian 1-800-88-7752 untuk mendapatkan maklumat terkini keadaan trafik atau memerlukan bantuan semasa di lebuhraya; dan
- g. Pengguna boleh menyemak status trafik atau sebarang insiden di lebuhraya yang akan dikemaskini di media sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) iaitu di Facebook Lembaga Lebuhraya Malaysia, aplikasi X dan Tiktok @LLMtrafik secara berkala.

6. Saya mewakili Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan semua Syarikat Kongsesi Lebuhraya memohon supaya semua pengguna memandu dengan berhemah mematuhi semua peraturan jalan raya yang telah ditetapkan. Berehatlah jika keletihan dan mengantuk dan bersama-samalah kita semua bekerjasama dalam menjadikan lebuhraya kita selamat, bersih dan selesa serta dapat mengurangkan statistik kemalangan jalan raya Malaysia.



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

Selamat Menyambut Perayaan Deepavali

Iniya Deepavali Nal Valthukal

#Tamat#

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

10 OKTOBER 2025

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatanggunjawabkita

#KerajaanMADANI

#MADAN Ibekerja